RANCANGAN PENGAJARAN HARIAN

PENDIDIKAN JASMANI KESIHATAN

TAHUN 6 Arif

Mata Pelajaran : Pendidikan Jasmani Kesihatan

Tunjang : Kemahiran

Tajuk : Permainan

Sub Tajuk : 1.1 Bola Keranjang

- Menangkap bola, menghantar bola, menggelecek, membuat jaringan.

Tarikh :05 April 2012 ( Khamis )

Masa :0740 pagi – 0805( 30 minit )

Kelas : 6 Arif

Bilangan Murid

Lelaki : 13 orang

Perempuan : 19 orang

Objektif : Pada akhir sesi pengajaran dan pembelajaran, murid dapat :

1. Kognitif
   a. Mengetahui kemudahan tempat yang sesuai untuk beraktiviti
2. Afektif
   a. Memahami dan mematuhi peraturan keselamatan semasa beraktiviti bagi menjaga keselamatan
   b. Menunjukkan perasaan seronok melalui mimik muka .
3. Psikomotor
   a. Melakukan kemahiran asas permainan, dan akan menunjukkan cara menggelecek bola sebelah tangan sejauh 15 meter secara berlari.

Pengalaman sedia ada murid : Murid mempunyai kemahiran menangkap bola.

Penerapan nilai : Bekerjasama

KBKK : Membanding beza dan menghubungkait.

Strategi : Kontekstual

Kesepaduan : Pendidikan Jasmani

BSPP :

1. Guru
2. Bahan Bantu Mengajar
   - Slide power point, learning object (LO)
   - Bola
   - Kon

| Bahagian / Masa | Aktiviti | Ciri Strategi | Fokus Pembelajaran | Catatan |
|---|---|---|---|---|
| **Permulaan**<br>( 05 minit ) | Guru menayangkan video tentang kemahiran asas permainan bola keranjang. | Tayangan power point beserta ilustrasi bergambar. | 1. Memahami cara asas kemahiran menangkap bola, menghantar bola, menggelecek, dan menjaring bola.<br>2. Membuat pemerhatian semasa sesi tayangan dimulakan. | KBKK :<br>Menggalakkan daya pemikiran murid semasa mencuba sesuatu gerakerja.<br><br>BSPP: *Slide power point/learning object* |
| **Perkembangan**<br><br>(14 minit) | Gerakerja kelas:<br>'Menggelecek bola keranjang'<br>-secara berjalan<br>-secara berlari<br><br>Gerakerja kumpulan:<br>-Membaling dan Menyambut bola (paras bahu)<br>-Menggelecek bola melalui halangan (kon)<br>-'Bola beracun'<br>-'Merampas bola' | Gerakerja kelas dan gerakerja kumpulan. | • Guru membahagikan kumpulan dimana murid di berada didalam kumpulan masing-masing dan akan menjalani kegiatan yang berlainan di stesen yang ditetapkan untuk kegiatan tersebut.<br>• Kumpulan-kumpulan ini akan bertukar stesen secara teratur mengikut isyarat yang diberikan oleh guru pj.<br>• Sekiranya guru PJ memperuntukkan masa selama 30 minit untuk 4 jenis gerakerja kumpulan (bermakna kelas terbahagi kpd 4 kumpulan juga)<br>• Guru mestilah memberi arahan kepada murid untuk bertukar stesen dan memulakan kegiatan yang baru selepas setiap 7 minit. | BSPP :<br><br>1. Peralatan<br>• Bola<br>• Kon |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| **Kemuncak**<br>(10minit) | Lari berganti-ganti, menggelecek bola | Mengikut arahan | • Murid-murid hendaklah dalam keadaan sedia semasa melakukan aktiviti lari berganti-ganti.<br>• Mata hendaklah fokus kepada bola yang menuju kepadanya. | BSPP :<br>1)Peralatan<br>• Bola<br>• Kon |
| **Penutup**<br>( 1 minit ) | Lompat bintang | Mengikut arahan | • Apabila tamat pelajaran, guru hendaklah memastikan bahawa muridnya telah tenang dan bersedia untuk balik ke kelas secara teratur.<br>• Pelajar berkumpul dan sesi perbincangan bersama pelajar berkaitan: | |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | | 1. Sukan yang melibatkan kemahiran menggelecek<br>2. Kesepaduan<br>3. Langkah-langkah keselamatan<br>4. Nilai. | |

<u>Ulasan diri</u>

1. Sebelum pengajaran dan pembelajaran, diharapkan aktiviti ini berjaya mencapai objektif disamping dapat menarik minat murid-murid dalam permainan yang dijalankan.
2. Selepas sesi P&P, murid-murid dapat menggabungjalinkan pembelajaran yang dipelajari hari ini dengan pengalaman yang sedia ada.